

7
Soalan No:15

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' DR. NORAINI BINTI AHMAD
[PARIT SULONG]

TARIKH : 13.3.2018 (SELASA)

SOALAN :

Dato' Dr. Noraini Binti Ahmad [Parit Sulong] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah pihak Kementerian telah mempertimbangkan untuk mewujudkan satu garis panduan sebagai keperluan untuk melindungi para guru ketika mereka menjalankan tugas sebagai pendidik dan juga mekanisme untuk para guru mengendalikan kes-kes berat anak didik mereka sebelum dibawa ke pengetahuan polis termasuk penyalahgunaan najis dadah dan gengsterisme.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kepentingan dan kebajikan guru semasa menjalankan tugas rasmi sentiasa dijadikan keutamaan oleh pihak Kerajaan sama seperti penjawat awam lain. Dasar, peraturan dan mekanisme sedia ada yang diguna pakai oleh Kerajaan sehingga kini adalah memadai bagi tujuan melindungi semua penjawat awam termasuk guru dalam melaksanakan tugas rasmi mereka.

Dalam konteks pengendalian kes salah laku disiplin di sekolah, pengetua dan guru besar (PGB) adalah pihak berkuasa disiplin yang bertanggungjawab dalam mengendalikan sesuatu kes disiplin di bawah

tanggungjawab mereka. Pihak PGB akan mengarahkan jawatankuasa disiplin untuk menjalankan siasatan dan mencadangkan hukuman yang sesuai bagi salah laku disiplin murid. Hukuman yang dijatuhkan ke atas murid adalah perlu mengikuti Peraturan-peraturan Pelajaran (Disiplin Sekolah) 1959.

Pegawai Perhubungan Polis (PPS), Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dan permuafakatan masyarakat adalah saluran yang sesuai digunakan bagi membantu pihak PGB dalam memutuskan sesuatu perkara yang melibatkan kes-kes yang berat dadah dan pengsterisma.

RJM24